

Garis Panduan
PENULISAN
DISERTASI / TESIS
PASCASISWAZAH



Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA

EDISI 2012



Garis Panduan
**PENULISAN DISERTASI/
TESIS PASCA SISWAZAH**

ACADEMY OF
CONTEMPORARY ISLAMIC STUDIES
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI
(ACIS)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

KANDUNGAN

Kandungan	Halaman
Bab 1	KEPERLUAN AM
1.0	Pengenalan 6
1.1	Bahasa 6
1.2	Kertas 8
1.3	Perisian dan Mesin Percetakan 8
1.4	Saiz Fon 8
1.5	Gaya Fon 8
1.6	Langkau Baris dan Perenggan 8
1.7	Jarak Teks 9
1.8	Tajuk dan Sub Tajuk 10
1.9	Bullet/Pernomboran 10
1.10	Birai 11
1.11	Pernomboran Muka Surat 11
1.12	Cara Penulisan Teks al-Quran 11
1.13	Cara Penulisan Teks Hadis 12
1.14	Jadual 13
1.15	Rajah 15
1.16	Penggunaan Warna 16
1.17	Soft Copy 17
1.18	Cetakan Teks 17
1.19	Fotokopi 17
1.20	Pembetulan Selepas Viva 17
1.21	Penjilidan 18
1.22	Panjang Disertasi/Tesis 19
Bab 2	FORMAT
2.0	Pengenalan 20
2.1	Susunan 20
Kandungan	Halaman

Bab 3 EJAAN DAN TRANSLITERASI

3.0	Pengenalan	25
3.1	Jadual Transliterasi	26
3.2	Vokal	27
3.3	Diftong	28
3.4	Contoh Penggunaan Pedoman Transliterasi	29

Bab 4 RUJUKAN DALAM TEKS

4.0	Pengenalan	36
4.1	Tujuan	36
4.2	Format	36
4.3	Rujukan Kali Kedua Dan Seterusnya	42
4.4	Rujukan al-Quran	45
4.5	Rujukan Hadis	45

Bab 5 BIBLIOGRAFI

5.0	Pengenalan	46
5.1	Seorang Penulis Dalam Bibliografi	47
5.2	Ramai Penulis Dalam Bibliografi	47
5.3	Terbitan Syarikat dan Kerajaan Dalam Bibliografi	48
5.4	Buku Edisi Baharu	48
5.5	Koleksi Dalam Antologi	49
5.6	Artikel Diulangcetak atau Diterbit Semula	49
5.7	Hasil Penulisan Yang Diterjemah	50
5.8	Entri Bahasa Asing	50

Kandungan

Halaman

5.9	Terjemahan Dari Terbitan Bersiri Yang Disunting	50
5.10	Rujukan Daripada Penulis Yang Sama	51
5.11	Penulisan Berjilid	52
5.12	Rujukan Dari Sumber Sekunder	52
5.13	Artikel atau Bab Dalam Buku Yang Disunting	53
5.14	Monograf	53
5.15	Temubual, Surat, Pekeliling dan Ceramah Umum	54
5.16	Rujukan Dari Laporan	54
5.17	Bahan Tidak Diterbit	55
5.18	Bahan Elektronik	57
5.19	Artikel Jurnal dan Suratkhobar	59
5.20	Kamus	62
5.21	Ensaiklopedia	62
5.22	Peta	63
5.23	Paten	63
5.24	Piawai/Standard	63

BAB 6 KUALITI DAN INTEGRITI

6.0	Pengenalan	64
6.1	Plagiarisme	64
6.2	Bagaimana Mengelakkan Plagiarisme	65
6.3	Penghargaan dan Pengiktirafan Am	66

Kandungan

Halaman

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1	Kulit Hadapan dan Tulang Belakang Disertasi /Thesis	67
Lampiran 2	Halaman Judul	68
Lampiran 3	Deklarasi	69
Lampiran 4	Abstrak	70
Lampiran 5	Penghargaan	71
Lampiran 6	Daftar Isi	73
Lampiran 7	Senarai Singkatan	74
Lampiran 8	Senarai Jadual	75
Lampiran 9	Senarai Rajah	76
Lampiran 10	Senarai Kes	77
Lampiran 11	Senarai Statut	78
Lampiran 12	Senarai Lampiran	79
Lampiran 13	Contoh Teks Penulisan	80
Lampiran 14	Ringkasan Format	81
	JAWATANKUASA GARIS PANDUAN PENULISAN DISERTASI/TESIS PASCA SISWAZAH 2012	82

BAB 1: KEPERLUAN AM

1.0 PENGENALAN

Garis panduan ini berkaitan dengan keperluan asas teknikal disertasi/tesis. Calon hendaklah mengemukakan disertasi/tesis berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Institut Pengajian Siswazah (IPSiS) dan Perpustakaan UiTM.

1.1 BAHASA

Calon boleh menggunakan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, atau Bahasa Arab untuk penulisan disertasi/tesis.

- Disertasi/tesis yang ditulis dalam Bahasa Melayu hendaklah mengikut piawaian Bahasa Melayu.
- Disertasi/tesis yang ditulis dalam Bahasa Inggeris hendaklah mengikut piawaian Bahasa Inggeris British.
- Disertasi/tesis yang ditulis dalam Bahasa Arab hendaklah mengikut piawaian Bahasa Arab

1.1.1 Disertasi/tesis dalam Bahasa Melayu

Jika perkataan/terma selain daripada Bahasa Melayu digunakan, calon dikehendaki mengikut peraturan berikut:

- Perlu disendeng dan dikemukakan terjemahan dalam kurungan.
- Tidak perlu ditransliterasi, disendeng atau dikemukakan terjemahan dalam kurungan sekiranya perkataan tersebut telah disenaraikan dalam kamus utama Bahasa

Melayu iaitu Kamus Dewan (contoh : zakat, wakaf, Ramadan).

- Untuk transliterasi bahasa Arab, sila rujuk Bab 3 : Transliterasi Bahasa Arab

1.1.2 Disertasi/tesis dalam Bahasa Inggeris

Jika perkataan/terma selain daripada Bahasa Inggeris digunakan, calon dikehendaki mengikut peraturan berikut:

- Perlu disendeng dan dikemukakan terjemahan dalam kurungan.
- Tidak perlu ditransliterasi, disendeng atau dikemukakan terjemahan dalam kurungan sekiranya perkataan tersebut telah disenaraikan dalam kamus utama Bahasa Inggeris seperti Kamus Oxford Inggeris dan Kamus Webster (contoh : Islam, zakat, shariah).
- Untuk transliterasi bahasa Arab, sila rujuk Bab 3: Transliterasi Bahasa Arab

1.1.3 Disertasi/tesis dalam Bahasa Arab

Jika perkataan/terma selain daripada Bahasa Arab digunakan, calon dikehendaki mengikut peraturan berikut:

- Menggunakan tulisan rumi.
- Perlu disendeng dan dikemukakan terjemahan dalam kurungan.
- Tidak perlu ditransliterasi, disendeng atau dikemukakan terjemahan dalam kurungan sekiranya perkataan tersebut telah disenaraikan dalam kamus utama Bahasa Melayu iaitu Kamus Dewan dan Bahasa Inggeris iaitu Kamus Oxford Inggeris dan

Kamus Webster (contoh : kontemporari, universal, global).

- Untuk transliterasi bahasa Arab, sila rujuk Bab 3: Transliterasi Bahasa Arab.

1.2 KERTAS

Kertas yang digunakan :

Saiz	A4 (21.0 cm x 29.7 cm)
Kualiti kertas	80 gm
Warna	Putih

1.3 PERISIAN DAN MESIN PERCETAKAN

Calon boleh menggunakan mana-mana perisian yang biasa digunakan untuk penulisan disertasi/tesis. Pencetak laser hendaklah digunakan untuk mencetak versi akhir disertasi/tesis.

1.4 SAIZ FON

Calon hendaklah menggunakan saiz fon 12 untuk teks utama dan saiz fon 10 digunakan untuk nota kaki.

1.5 GAYA FON

Calon hanya dibenarkan menggunakan gaya fon "Times New Roman" .

1.6 LANGKAU BARIS DAN PERENGGAN

Keseluruhan teks hendaklah dilangkau 2 baris. Langkau 1 baris digunakan untuk perkara berikut:

- Deklarasi
- Penghargaan
- Abstrak
- Terjemahan abstrak
- Isi kandungan
- Jadual
- Petikan
- Nota kaki
- Nota hujung
- Senarai ilustrasi
- Senarai kes
- Lampiran
- Bibliografi

Perenggan pertama dan seterusnya tidak perlu *indent*. Langkau 4 baris hendaklah digunakan antara dua perenggan untuk keseluruhan teks.

1.7 JARAK TEKS

Tekan *space bar* sekali selepas setiap noktah, koma, kolon, semi kolon dan lain-lain. Untuk tanda sempang dan tanda tolak menggunakan garis panduan berikut :

1.7.1 Sempang (-):

- Tiada jarak sebelum atau selepasnya (contoh : kawan-kawan, kanak-kanak).
- Ada jarak sebelum nilai negatif tetapi tidak selepasnya (contoh: -0.05).

1.7.2 Tolak (-):

- Sempang dengan jarak di kedua-dua pihak (contoh: $2 - 1 = 1$)

1.8 TAJUK DAN SUB TAJUK

Penaipan tajuk dan sub tajuk hendaklah mengikut spesifikasi berikut:

- Peringkat 1: 14 poin (18 poin untuk Bahasa Arab/Jawi), **bold**, huruf besar, santak tengah - Tajuk Bab.
- Peringkat 2: 12 poin (16 poin untuk tulisan Arab/Jawi), **bold**, huruf besar, santak kiri (santak kanan bagi tulisan Arab/Jawi) - Tajuk
- Peringkat 3: 12 poin (16 poin untuk tulisan Arab/Jawi), **bold**, huruf kecil, santak kiri (santak kanan bagi tulisan Arab/Jawi) - Sub Tajuk
- Peringkat 4: 12 poin (16 poin untuk tulisan Arab/Jawi), huruf kecil, bergaris, santak kiri (santak kanan bagi tulisan Arab/Jawi) - Sub sub tajuk
- Peringkat 5: 12 poin (16 poin untuk tulisan Arab/Jawi), huruf kecil, santak kiri (santak kanan bagi tulisan Arab/Jawi) - Sub sub sub tajuk

1.9 **BULLET/PERNOMBORAN**

Bagi teks yang memerlukan *bullet*/pernomboran, calon hendaklah menggunakan *indent* 12 mm dari birai kiri. Jarak antara *bullet*/pernomboran dengan teks hendaklah 8 mm. Piawaian ini perlu digunakan untuk keseluruhan penulisan disertasi/tesis. Langkau dua masih dikekalkan di antara teks dan senarai *bullet*/pernomboran.

1.10 BIRAI

Birai yang ditetapkan bagi teks keseluruhan hendaklah mengikut format berikut:

Birai atas	2.5 cm
Birai kanan	2.5 cm
Birai kiri	3.8 cm
Birai bawah	3.0 cm

1.11 PERNOMBORAN MUKA SURAT

Nombor muka surat hendaklah dicetak tanpa tanda bacaan atau kurungan dan dicetak di tengah bahagian bawah.

Halaman permulaan hendaklah dinomborkan dengan angka kecil roman secara berturutan (i, ii, iii dan seterusnya). Halaman judul adalah halaman i, tetapi nombornya tidak ditaip. Nombor roman ii terletak pada muka surat pertama selepas halaman judul. Muka surat teks dan bibliografi menggunakan nombor arab berturut-turut (1, 2, 3 dan seterusnya) bermula dengan nombor 1 pada muka surat pertama bahagian teks.

1.12 CARA PENULISAN TEKS AL-QURAN

Cara penulisan teks al-Quran menggunakan fon Traditional Arabic 16 yang berbaris. Penaipan teks hendaklah dimulai dengan 5 cm ke dalam dari kiri dan 5 cm ke dalam dari kanan kedudukan teks. Untuk memaparkan ayat al-Quran, penggunaan salinan grafik adalah digalakkan bagi mengelakkan kesilapan ejaan dan baris. Terjemahan dan maklumat ayat serta surah ditaip di bawah petikan teks tersebut.

Contohnya :

Firman Allah S.W.T

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ١ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ٢ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ٣

Maksudnya:

Dengan nama Allah, yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

(al-Fatihah: 1- 3)

1.13 CARA PENULISAN TEKS HADIS

Cara penulisan teks Hadis menggunakan fon tradisional Arabic 16 yang berbaris. Penaipan teks hendaklah dimulai dengan 5 cm ke dalam dari kiri dan 5 cm ke dalam dari kanan kedudukan teks. Penggunaan salinan grafik adalah digalakkan bagi paparan matan hadis untuk mengelakkan kesilapan ejaan dan baris. Terjemahan dan maklumat riwayat Hadis ditaip di bawah petikan teks tersebut.

Contohnya:

قَالَ بَيْنَمَا نَحْنُ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ
يَوْمٍ إِذْ طَلَعَ عَلَيْنَا رَجُلٌ شَدِيدُ بَيَاضِ الثِّيَابِ شَدِيدُ سَوَادِ
الشَّعْرِ لَا يُرَى عَلَيْهِ أَثَرُ السَّفَرِ وَلَا يَعْرِفُهُ مِنَّا أَحَدٌ حَتَّى
جَلَسَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَسْنَدَ رُكْبَتَيْهِ إِلَى

رُكِبْتِهِ وَوَضَعَ كَفَيْهِ عَلَى فَخْدَيْهِ وَقَالَ يَا مُحَمَّدُ أَخْبِرْنِي عَنْ
 الْإِسْلَامِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْإِسْلَامُ أَنْ
 تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
 وَسَلَّمَ وَتُقِيمَ الصَّلَاةَ وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ وَتَصُومَ رَمَضَانَ وَتَحُجَّ
 الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيلًا قَالَ صَدَقْتَ ...

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah r.a katanya: Rasulullah S.A.W. bersabda: Soallah apa-apa sahaja soalan, maka datanglah seorang lelaki dekat dengan Nabi s.a.w., lalu dia menyandarkan kedua lututnya kepada dua lutut Nabi S.A.W. Kemudian dia berkata; Hai Muhamad, khabarkan kepadaku dari hal Islam. Maka Rasulullah S.A.W. menjawab; Islam itu ialah bahawa engkau tidak mensyirikkan Allah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadan. Dia berkata; Benarlah engkau...

(Riwayat Muslim)

Bagi teks Hadis, maklumat takhrij Hadis tersebut hendaklah dibuat sepenuhnya dalam nota kaki, bukan di bawah petikan tersebut. Contoh takhrij Hadis yang paling ringkas adalah dengan menyebut nama penuh pengarang, tahun, nama buku, tajuk besar (kitab/bab), nombor hadis, jilid, tempat terbit, penerbit dan halaman.

Contohnya:

Muhammad b. Isma'il, Abu 'Abd Allah al-Bukhari (1994), *Sahih al-Bukhari*, "Kitab al-Buyu", no. hadis 2178, jil.2. Kaherah: Dar al-Fikr, h.70.

1.14 JADUAL

Jadual mestilah tepat dan mudah dibaca serta susunan tajuk perlu dicatat dengan jelas.

1.14.1 Penomboran

Jadual perlu dinomborkan dengan nombor arab dan tajuk diberikan, walaupun hanya terdapat beberapa jadual sahaja dalam disertasi/tesis. Penomboran adalah berdasarkan kepada bab. Sebagai contoh, jika Bab 4 mempunyai tiga jadual, jadual harus dilabel sebagai Jadual 4.1, Jadual 4.2 dan seterusnya.

1.14.2 Kedudukan

Setiap jadual perlu diletakkan selepas huraian yang berkaitan dengan jadual tersebut. Walau bagaimanapun, lebih baik untuk menghabiskan perenggan teks sebelum memasukkan jadual. Jika jadual tidak boleh ditempatkan dalam ruang yang tinggal pada halaman yang diberikan, letakkan jadual di bahagian atas halaman seterusnya jika ia masih dalam sub topik yang sama.

1.14.3 Saiz dan Bentuk

Jadual hendaklah diletakkan di tengah muka surat.

1.14.4 Lebar

Jika jadual terlalu besar dan tidak sepadan dengan birai yang ditetapkan hendaklah menggunakan format landskap.

1.14.5 Saiz

Saiz fon antara 10-12 boleh digunakan bagi kandungan di dalam jadual.

1.14.6 Jadual Melebihi Satu Mukasurat

Jadual yang panjang boleh menggunakan lebih dari satu halaman. Nombor jadual dan tajuk hendaklah diletakkan di awal jadual. Untuk halaman seterusnya diletakkan nombor dan sambungan. Contohnya "Jadual 2 – Sambungan".

1.14.7 Tajuk dan Sumber

Setiap jadual mesti mempunyai tajuk dan sumber. Nombor dan tajuk jadual hendaklah dinyatakan di bahagian tengah atas jadual manakala sumber diletakkan di bahagian tengah bawah jadual.

Table 3.4
Financing of SMEs by Banking Institutions
(Year 2005-2006)

Year	Loan Amount RM' billion	Loan Outstanding RM' billion	# of SMEs	Percentage of Tot. Buss. Loan
2005	35.8	96	85,018	42.6
2006	39.6	104.6	84,000	44.5

Source: SME Annual Report 2006

1.15 RAJAH

Rajah adalah bahan ilustrasi termasuk lukisan, gambar, carta, graf dan peta. Penomboran, kedudukan, saiz dan bentuk adalah sama dengan yang dinyatakan untuk jadual. Walau bagaimanapun, penomboran untuk rajah perlu diletakkan di bawah rajah tersebut pada margin kiri diikuti dengan tahun.

Gambar-gambar, keratan akhbar dan sebagainya perlu diimbas (scan) untuk dimasukkan dalam teks.




Figure 6.1: Scree Plot of Eigenvalues against Number of Factors

Source: www.biomedcentral.com

1.16 PENGGUNAAN WARNA

Warna boleh digunakan hanya untuk graf, carta dan gambar. Warna yang sama hendaklah digunakan dalam disertasi/tesis utama dan semua salinan disertasi/tesis untuk penyerahan.

1.17 SOFT COPY

Calon hendaklah mengemukakan softcopy (CD) disertasi/tesis bersama-sama dokumen kepada Institut Pengajian Siswazah (IPSS). Semua bahan perlu dilabel:

- Nama
- Tajuk disertasi/tesis
- Nombor matrik
- Nama ijazah
- Nama fakulti
- Tahun

1.18 CETAKAN TEKS

1.18.1 Cetakan teks Rumi:

Cetak pada sebelah halaman sahaja dan halaman ini hendaklah diletakkan di sebelah kanan

1.18.2 Cetakan teks Arab/Jawi:

Cetak pada sebelah halaman sahaja dan halaman ini hendaklah diletakkan di sebelah kiri

1.19 FOTOKOPI

Semua bahan salinan mestilah jelas dan mengikut susunan halaman serta birai disertasi/tesis yang telah ditetapkan.

1.20 PEMBETULAN SELEPAS VIVA

Calon hendaklah membuat semua pembetulan, pindaan dan semakan seperti yang diputuskan sebelum mengemukakan versi akhir kepada Institut Pengajian Siswazah (IPSiS).

1.21 PENJILIDAN

1.21.1 Penjilidan Sebelum Viva

Lima (5) salinan disertasi/tesis bagi serahan awal hendaklah dijilid dengan berkulit nipis berwarna merah tua (maroon) untuk Ph.D dan biru tua (dark blue) untuk Sarjana. Satu daripadanya mestilah merupakan naskhah asal.

Tajuk lengkap, nama penulis, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA dan tahun penyerahan mestilah ditaip pada kulit hadapan. Contoh seperti di Lampiran 1.

1.21.2 Penjilidan Selepas Viva

Empat (4) naskhah serahan akhir hendaklah dijilid dengan kulit tebal berwarna merah tua (maroon) untuk Ph.D dan biru tua (dark blue) untuk Sarjana beserta dua soft copy dalam bentuk CD (format pdf) hendaklah diserahkan kepada IPSiS selepas pembetulan dibuat dan disahkan oleh pemeriksa. Tajuk lengkap, nama penulis, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA dan tahun penyerahan mestilah ditaip pada kulit depan dicetak berhuruf besar dengan saiz fon 16 atau 18 berwarna emas pada kulit hadapan. Nama, tajuk yang lengkap, tahun penyerahan dan ijazah dicetak dengan huruf besar berwarna emas

dengan saiz huruf yang sesuai pada tulang belakang. Sila rujuk Lampiran 1.

1.22 PANJANG DISERTASI /TESIS

Panjang disertasi/tesis adalah seperti berikut :

Mod Pengajian	Patah Perkataan
Tesis Ph.D	80,000 – 100,000*
Tesis Sarjana	30,000 – 50,000*
Disertasi Ph.D	40,000 – 75,000*
Disertasi Sarjana	10,000 – 30,000*
Pengajian Kendiri Sarjana	07,000 – 09,000*

*Tidak termasuk lampiran, rujukan, jadual dan rajah.

BAB 2: FORMAT

2.0 PENGENALAN

Calon hendaklah menggunakan format yang telah ditetapkan dalam penulisan disertasi/tesis.

2.1 SUSUNAN

Disertasi/Tesis hendaklah disusun mengikut susunan berikut:

- a. Kulit Hadapan dan Tulang Belakang
- b. Halaman Judul
- c. Deklarasi
- d. Abstrak (dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Arab dan Bahasa Melayu Mengikut Pilihan)
- e. Penghargaan
- f. Daftar Isi/Isi Kandungan
- g. Senarai Singkatan
- h. Senarai Jadual
- i. Senarai Rajah
- j. Senarai Kes
- k. Senarai Statut
- l. Jadual Transliterasi
- m. Senarai Lampiran
- n. Teks Penulisan
- o. Bibliografi
- p. Lampiran

2.1.1 Kulit Hadapan dan tulang belakang

Muka hadapan mesti dicetak dengan menggunakan huruf besar berwarna emas, saiz fon antara 18 dan 24. Cetakan mesti berada dalam susunan berikut:

- tajuk

- nama calon
- nama fakulti
- nama universiti
- tahun penyerahan.

Sila rujuk Lampiran 1.

Maklumat yang dicetak pada tulang belakang mestilah dalam huruf besar berwarna emas, saiz fon antara 18 dan 24. Cetakan mesti berada dalam susunan berikut:

- nama calon
- tajuk
- nama Ijazah
- tahun penyerahan.

Sila rujuk Lampiran 1

2.1.2 Halaman Judul

Maklumat yang dicetak di halaman judul hendaklah menggunakan saiz fon antara 18 dan 24 dan mengandungi susunan berikut:

- tajuk
- nama calon
- formula penyerahan
- nama fakulti
- nama universiti
- bulan dan tahun penyerahan

Sila rujuk Lampiran 2.

2.1.3 Deklarasi

Calon perlu memasukkan muka surat deklarasi yang menunjukkan bahawa kajian yang dilakukan adalah asli. Halaman ini hendaklah dinomborkan.

Sila Rujuk Lampiran 3

2.1.4 Abstrak

Tajuk abstrak hendaklah ditulis menggunakan huruf besar, saiz font 14.

Abstrak hendaklah mengandungi perkara berikut:

- Penyataan masalah
- Objektif kajian
- Metode yang digunakan
- Penemuan hasil kajian.

Abstrak mengandungi 200 dan 250 (disertasi/tesis Sarjana) dan antara 250 hingga 500 perkataan (disertasi/tesis Ph.D) patah perkataan . Ia hendaklah ditaip dengan langkau 1 baris dalam satu halaman.

Sila rujuk Lampiran 4.

2.1.5 Penghargaan

Penghargaan hendaklah ditaip langkau 1 baris menggunakan saiz fon 12. Bahagian termasuk penghargaan kepada semua mereka yang telah membantu calon dalam penyediaan disertasi/tesis. Laman ini dikira dan perlu diberi nombor.

Sila Rujuk Lampiran 5

2.1.6 Daftar Isi

Daftar isi adalah senarai keseluruhan disertasi/tesis. Tajuk dan sub-tajuk mestilah konsisten dan hendaklah ditaip dengan saiz fon 12.

Sila rujuk Lampiran 6

2.1.7 Senarai Singkatan

Sila rujuk Lampiran 7

2.1.8 Senarai Jadual

Sila rujuk Lampiran 8

2.1.9 Senarai Rajah

Sila rujuk Lampiran 9

2.1.10 Senarai Kes

Sila rujuk Lampiran 10

2.1.11 Senarai Statut

Sila rujuk Lampiran 11

2.1.12 Jadual Transliterasi

Sila rujuk Bab 3

2.1.13 Senarai Lampiran

Sila rujuk Lampiran 12

2.1.14 Teks Penulisan

Sila rujuk Lampiran 13

2.1.15 Bibliografi

Sila rujuk bab 5.

2.1.16 Lampiran

Jika lampiran yang digunakan dalam bentuk fotokopi, calon hendaklah memastikan kejelasan dan saiz salinan tersebut.

Ringkasan format penulisan keseluruhan juga disertakan di bahagian akhir buku garis panduan ini.

Sila Rujuk Lampiran 14.

BAB 3: EJAAN DAN TRANSLITERASI

3.0 PENGENALAN

Transliterasi merujuk kepada penulisan bahasa Arab dengan menggunakan abjad rumi. Beberapa huruf Arab tidak setara dengan abjad rumi, contohnya huruf Arab 'ط' perlu ditransliterasikan dengan huruf *ṭ*.

Oleh itu, transliterasi perkataan Arab perlu digunakan berdasarkan panduan berikut:

- Bagi akhir perkataan asal yang ditulis dengan 'ة' (ta' marbutah) dieja mengikut sebutan "ه", contoh: (قوة) quwwah.
- Tanwin dieja tidak mengikut sebutan tetapi mengikut tulisan. Contohnya (ساعة) Sa'ah, (قوة) quwwah.
- Alif Lam ditransliterasikan sebagai Al (sama ada bagi Lam Syamsiyyah atau Lam Qamariyyah) yang dihubungkan dengan kata berikutnya dengan tanda sempang. Contohnya bagi Alif Lam Syamsiyyah (الشمس) **al-Syams** dan bagi Alif Lam Qamariyyah (القمر) **al-Qamar**.
- A dalam Al tidak ditaip dengan huruf besar sekiranya ia berada di pertengahan ayat. Contohnya "menurut riwayat **al-Bukhari**" (Alif Lam Qamariyyah). Contoh untuk Alif Lam Syamsiyyah ialah "Firman Allah dalam Surah **al-Dukhan**".

- Istilah sesuatu perkataan yang berasal daripada bahasa Arab, tetapi telah menjadi sebutan umum bahasa Melayu hendaklah dieja mengikut perkataan bahasa Melayu contohnya perkataan syariah, ibadah dan lain-lain.

3.1 JADUAL TRANSLITERASI

Senarai pedoman transliterasi adalah seperti berikut:

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	'	سأل	sa'ala
ب	b	برد	bard
ت	t	تبر	tabara
ث	th	ثج	thajja
ج	j	جاس	jāsa
ح	h	حضر	ḥaḍara
خ	kh	خلوص	khulūṣ
د	d	دواء	dawā'
ذ	dh	ذهب	dhahab
ر	r	رحم	raḥima
ز	z	زجر	zajar
س	s	سخط	sakhaṭa
ش	sy	شهر	syahara

ص	s	صنع	ṣana ^ʿ a
Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ض	d	ضرب	ḍaraba
ط	t	طاف	ṭāfa
ظ	z	ظهر	ẓahara
ع	'a	عبد	'abd
غ	gh	غرار	gharār
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضى	qāḍī
ك	k	كافور	kāfūr
ل	l	لزوم	lazūm
م	m	ملاح	milāḥ
ن	n	نزير	nazīr
ه	h	هجر	hajar
و	w	وصل	waṣal
ى	y	يمين	yamīn

3.2 VOKAL

Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
Fathah (__)	a	سعل	sa'ala
Kasrah (__)	i	يقن	Yaqina
Dammah (__)	u	ولع	Wuli'a

Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
اءى	a	قاضى/ساعه	sā'ah/qāḍī
ى	i	رحيم	raḥīm
و	u	وجوب	wujūb

3.3 DIFTONG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
او	aw	قول	qawl
اى	ay	ريب	rayb
ى	iyy/i	رجيع/رجعي	raj 'iyy/raji'
و	uww	عدو	'aduww/'adu
ن	n	نزير	nazīr
ه	h	هجر	hajar
و	w	وصل	waṣal
ى	y	يمين	yamīn

3.4 CONTOH PENGGUNAAN PEDOMAN TRANSLITERASI

3.4.1 أ (alif) dan و (waw) sebagai vokal tidak perlu digantikan dengan sebarang huruf rumi.

Contohnya :

اولئك	Ulā'ik
قالوا	Qālū
إسمعوا	Isma'ū

3.4.2 Tanda (-) mewakili vokal a panjang yang dimansuhkan

Contohnya :

إسماعيل	Ismā'īl
موسى	Mūsā
سليمان	Sulaymān

3.4.3 “ا” (Alif) jika digunakan sebagai vokal panjang, ditransliterasikan sebagai a.

Contohnya :

مال	māl
قاضى	qāḍī
رمى	ramā

3.4.5 Huruf “و” yang ditransliterasikan sama ada di awal, tengah atau akhir perkataan ditulis seperti berikut:

- ✓ Di awal

وعد	Wa'd
وقع	Waqa'a

- ✓ Di tengah

قوم	qawm
عون	'awn

- ✓ Di akhir

عفو	'afw
لهو	Lahw

3.4.6 Huruf “و” (waw) yang berfungsi sebagai vokal panjang ditrasliterasikan sebagai u.

Contohnya :

وجود	Wujūd
كفور	Kufūr
ثمود	Thamūd

3.4.7 Huruf “و” (waw) yang berfungsi sebagai diftong ditrasliterasikan sebagai aw.

Contohnya :

عورة	'Awrah
جوف	Jawf
سوف	Sawf

3.4.8 Huruf “ي” (Ya) ditransliterasikan sebagai y.

Contohnya :

أين	Ayn
يحي	Yahyā
ويل	wayl

3.4.9 Huruf “ي” (Ya) yang mewakili vokal panjang ditransliterasikan sebagai i.

Contohnya :

يمين	Yamīn
تقدير	Taqdīr
الفيل	Al-Fīl

3.4.10 Huruf “ي” (Ya) yang merupakan sebahagian daripada diftong ditransliterasikan sebagai “ay”.

Contohnya :

أيمان	Aymān
زوجين	Zawjayn
أثنين	Ithnayn

3.4.11 Huruf “ي” (Ya) yang berfungsi sebagai vokal panjang ditransliterasikan sebagai “ a “.

Contohnya :

كبرى	Kubrā
عيسى	'Īsā
القرى	Al-Qurā

3.4.12 Huruf “ ء ” (Hamzah) yang terdapat di awal perkataan sama ada berbunyi a, i dan u diitransliterasikan mengikut bunyi.

Contohnya :

ألم	Alam
إسلام	Islām
أذن	Udhun

3.4.13 Huruf “ء” (Hamzah) yang berbaris sukun atau berbaris yang terletak di belakang konsonan atau diftong pada sesuatu perkataan dilambangkan sebagai koma atas (‘)

Contohnya :

صغائر	Ṣaghā'ir
البيلا	Al-Balā'
بنس	Bi's

3.4.14 Huruf “ آ ” (Ali Mad) yang terdapat pada awal atau ditengah perkataan hendaklah ditransliterasikan sebagai a

Contohnya :

آمنين	Āminin
الْبَلَاءُ	Al-Balā'
الْقُرْآنُ	Al-Qurān

3.4.15 Huruf “ و ” (Shaddah/Tashdid) di atas huruf “ و ” (Waw) yang terletak di belakang konsonan fathah dan mewakili diftong serta konsonan hendaklah ditransliterasikan sebagai aww

Contohnya :

أَوَابٍ	Awwāb
أَوَّلٍ	Awwal
صَوْرٍ	Ṣawwar

3.4.16 Huruf “ ي ” (Shaddah/Tashdid) di atas huruf “ ي ” (ya) yang terletak di belakang konsonan kasrah di tengah perkataan yang merupakan gabungan vokal panjang dan konsonan, hendaklah ditransliterasikan sebagai yy

Contohnya :

الشَّرِيعَةُ	Al-Sharī'iyah
الْخَفِيَّةُ	Al-Khafiyyah
الْإِسْلَامِيَّةُ	Al-Islāmiyyah

3.4.17 Huruf “ ي ” (Shaddah/Tashdid) di atas huruf “ ي ” (ya) yang terletak di belakang konsonan kasrah di akhir perkataan ditransliterasikan sebagai iy atau i

Contohnya :

الأمي	Al-Umiy/i
القوى	Al-Qawiy/i
الجوفى	Al-Jawfiy/i

3.4.18 Huruf “ ى ” (Shaddah/Tashdid) di atas huruf “ ي ” (ya) yang terletak di belakang konsonan atau vocal fathah yang berfungsi sebagai diftong dan konsonan, hendaklah ditransliterasikan sebagai ayy

Contohnya :

أيام	Ayyām
سيدة	Sayyidah
حى	Ḥayy

3.4.19 Huruf “ ى ” (Shaddah/Tashdid) di atas huruf yang menunjukkan pergandaan

Contohnya :

كان	Kaanna
ثم	Thumma
الحق	Al-Ḥaqq

3.4.20 Huruf “ ال ” (Alif Lam) ditransliterasikan sebagai al yang dihubungkan dengan kata berikutnya dengan menggunakan tanda sempang (-).

Contohnya :

الحكم	Al-Ḥukm
الفتاحة	Al-Fātiḥah
الفرقان	Al-Furqān

3.4.21 Huruf “ ” (Shaddah/Tashdid) di atas huruf “ ي ” (ya) yang terletak di belakang konsonan atau vocal fathah yang berfungsi sebagai diftong dan konsonan, hendaklah ditransliterasikan sebagai ayy

Contohnya :

أيام	Ayyām
سيدة	Sayyidah
حي	Ḥayy

3.4.22 Huruf Besar

Dalam sistem penulisan transliterasikan yang menggunakan huruf besar disesuaikan menurut sebagai ayy

Contohnya :

سيدنا عمر الخطاب	Sayyidina ‘Umar al-Khattab
ابوبكر الصديق	Abū Bakr al-Ṣiddīq
حسن الندوى	Ḥasan al-Nadwī

BAB 4: RUJUKAN DALAM TEKS

4.0 PENGENALAN

Terdapat dua kaedah untuk calon menulis rujukan dalam teks iaitu nota kaki dan sistem pengarang tarikh. Nota kaki adalah nota yang ditaip di bahagian bawah sesuatu halaman yang menerangkan atau memberi maklumat tambahan mengenai perkara yang terdapat dalam kandungan teks pada halaman berkenaan. Sistem pengarang tarikh pula ialah sistem menulis rujukan yang berdasarkan nama pengarang dan tahun terbitan buku/rujukan tersebut.

4.1 TUJUAN

Sistem ini digunakan untuk:

- Menjelaskan sumber data yang digunakan
- Membolehkan pembaca merujuk kepada mana-mana bahagian dalam tulisan
- Memberi penjelasan lanjut yang dikira tidak wajar dibuat dalam penulisan teks
- Menjelaskan pandangan yang berbeza dari sumber tertentu bagi membolehkan pembaca membuat perbandingan
- Memberi penghargaan kepada sumber yang digunakan
- Memperkuatkan kewibawaan penulisan kajian

4.2 FORMAT

Penulisan nota kaki hendaklah dalam bentuk langkau satu baris dengan menggunakan gaya fon

Times New Roman bersaiz 10. Pernomboran nota kaki adalah berurutan mengikut bab ke bab.

Sesuatu rujukan yang sama yang dirujuk semula di bab-bab yang seterusnya hendaklah ditulis dengan lengkap.

Nombor *superscript* yang digunakan dalam teks utama mestilah berada pada muka surat yang sama di mana terletaknya seksyen bagi nota kaki.

4.2.1 RUJUKAN KALI PERTAMA

Apabila calon membuat rujukan untuk kali pertama, kesemua maklumat rujukan hendaklah ditulis mengikut format berikut:

4.2.1.1 Rujukan Buku:

Nama penulis (tahun diterbitkan), tajuk buku (disendengkan), tempat diterbitkan: penerbit, halaman. Contoh:

¹Rosnani Hashim (2004), *Educational Dualism in Malaysia: Implications for Theory and Practice*, Kuala Lumpur: The Other Press, h.159.

4.2.1.2 Rujukan Artikel Bab Dalam Buku:

Nama penulis (tahun), "tajuk artikel", dalam nama editor, nama buku (disendengkan), nama tempat diterbitkan: penerbit, halaman.

Contoh:

Mohd Dani Mohamad (2011), "Wakaf dan Bandar Islam: Satu Perspektif Sejarah", dalam Baharuddin Sayin, *Isu-Isu Semasa Mengenai Wakaf*, Shah Alam : UPENA, h. 101-111.

4.2.1.3 Rujukan Tesis atau Disertasi:

Nama penulis (tahun dianugerahkan), “tajuk tesis atau disertasi”, (deskripsi tahap ijazah tesis atau disertasi, nama universiti yang menganugerahkan), halaman.

Contoh:

Kamariah Yusoff (2012), “Keharmonian Antara Kaum di Malaysia Melalui Penghayatan Konsep Islam Hadhari: Kajian Kes di Negeri Melaka (Doktor Falsafah, Universiti Malaya), h. 23.

4.2.1.4 Rujukan artikel di dalam Jurnal Akademik:

Nama penulis (tarikh diterbitkan), “tajuk artikel”, nama jurnal (disisipkan), jilid bilangan, nombor isu, halaman.

Contoh:

Mohamed Azam Mohamed Adil (2011), “Human Rights and Freedom of Religion in Malaysia: The Debate on the Wearing of Certain Islamic Attire”, *Jurnal Fikrah*, Jil. 6, h. 1-16.

Abdul Kadir Hj. Mohamad (1993), “Keberkesanan Undang-Undang Baru Keluarga Islam Dalam Mengurangkan Kadar Perceraian di Malaysia: Kajian di Kelantan dan Terengganu”, *Jurnal Syariah*, Jil.1 Bil. 2, Julai 1993, h. 230 – 242.

Bagi rujukan jurnal undang-undang, contohnya adalah seperti berikut:

[1966] 2 *MLJ* 187

4.2.1.5 Rujukan Artikel dari Jurnal Elektronik yang Diakses dari Pengkalan Data (database):

Nama penulis, “tajuk artikel”, Nama Jurnal (disendengkan), nombor jilid/volume, nombor isu, (tahun diterbitkan), halaman. Nama Pengkalan Data, melalui nama laman sesawang, <URL>.

Contoh:

Sandra Yin, “Color Bind,” *American Demographics*, vol. 25, no. 7 (2003): 23. Academic Search Premier, via Galileo, <<http://www.galileo.usg.edu>>.

4.2.1.6 Rujukan Artikel dari Majalah:

Hendaklah mengikut turutan berikut:

Nama penulis (tahun), “tajuk artikel”, nama majalah (disendengkan), nombor jilid/volume, nombor isu, halaman.

Contoh:

Syed Arabi Idid (t.t), “Press Freedom and Responsibility in a Developing Society”, *Media Asia*, 23 (3), h. 146-149/154-156.

4.2.1.7 Rujukan Artikel dari Akhbar:

- Artikel hendaklah mengikut turutan berikut:

Nama penulis (tahun) “tajuk artikel”, nama suratkhbar (disendengkan), tarikh, halaman.

Contoh:

Ahamed Kameel Mydin Meera (2006), "True Depiction of the Prophet", *The Edge Malaysia*, 27 March, 2006, h.156.

- Berita hendaklah mengikut turutan berikut:

Nama suratkhabar (disendengkan), tarikh, halaman, "tajuk berita".

Berita Harian, 16 Mac 2005: h. 2 "Dasar Bioteknologi Guna Kemudahan Sedia Ada".

4.2.1.8 Rujukan Artikel Tanpa Nama dari Terbitan Berkala:

Hendaklah mengikut turutan berikut:

Tajuk terbitan berkala (disendengkan), tarikh, "tajuk artikel", halaman.

Contoh:

Chicago Tribune, February 24, 1994, "Gun Injuries Take Financial Toll on Hospitals", h. 2.

4.2.1.9 Rujukan Artikel Suratkhabar dari Pengkalan Data (database) Elektronik:

Hendaklah mengikut turutan berikut:

Nama penulis (tarikh diterbitkan), "tajuk artikel", nama suratkhabar (disendengkan), keterangan mengenai edisi yang diakses, nama database jika ada, nama laman sesawang jika ada, nama laman sesawang yang didahului oleh perkataan melalui, <URL>

Contoh:

Salley Satel (27 October 2003), "Healing War Wounds," *USA Today*, final edition, Lexis-Nexis, via Galileo, <<http://www.galileo.usg.edu>>

4.2.1.10 Rujukan Artikel dari Ensiklopedia:

Hendaklah mengikut turutan berikut:

Nama ensiklopedia (disendengkan), edisi ensiklopedia, "tajuk artikel".

Contoh:

The New Encyclopaedia Britannica, 15th edition, "Dress and Adornment."

4.2.1.11 Rujukan bahan dari laman sesawang:

Hendaklah mengikut turutan berikut:

Nama Penulis, "tajuk bahan yang dirujuk", nama laman sesawang, <URL>, (tarikh diakses yang didahului dengan perkataan 'diakses pada').

Jack Lynch, "Points of pride," University of Georgia,
<<http://www.uga.edu/profile/pride.html>>(accessed 30 October, 2003). (teknikal)

4.2.1.12 Rujukan Temubual:

Hendaklah mengikut turutan berikut:

Nama orang yang ditemubual, frasa “Temubual oleh Penulis”, daerah, negeri, tarikh temubual.

Contoh:

Muzaffar Tate, “Temubual oleh Penulis”, Gombak, Selangor, 1 December 2002.

4.3 RUJUKAN KALI KEDUA DAN SETERUSNYA

Apabila sesuatu bahan di rujuk untuk kali kedua dan seterusnya, maklumat rujukan ditulis dengan lebih ringkas iaitu dengan meringkaskan nama penulis.

Contoh:

- **Rujukan kali pertama:**

Mohd Asri Abdullah (2011), *Pengurusan Islam: Menangani Arus Globalisasi* (Shah Alam: UPENA, UiTM), h. 12.

- **Rujukan seterusnya**

Mohd Asri Abdullah, h. 25.

Jika penggunaan nama boleh mengelirukan, tambah nama yang lain yang boleh mengelak kekeliruan.

- **Rujukan kali pertama:**

Eliza Wilkins, *Theontoh: Delphic Maxims in Literature* (Chicago: University of Chicago Press, 1967), 12.

Raymond Wilkins, *The Stylistics Reader* (Oxford: Blackwell, 1980), 34.

- **Rujukan Seterusnya:**

Raymond Wilkins, 15. bukan Wilkins, 15.

4.3.1 Rujukan lebih daripada satu karya yang dihasilkan oleh penulis yang sama

Semua maklumat lengkap berkaitan hendaklah ditulis pada rujukan kali pertama. Bagi rujukan seterusnya, nama penulis ditulis secara ringkas iaitu dipendekkan, tajuk karya juga diringkaskan dan kemudian diikuti dengan tiga tanda noktah.

Contoh:

Rujukan kali pertama:

Israr Ahmed Khan (2006), *The Theory of Abrogation: A Critical Evaluation*, Kuala Lumpur: The Research Centre, IIUM, h. 33.

Israr Ahmed Khan (2006), *Understanding the al-Quran: A Reflection*, Kuala Lumpur: The Research Centre, IIUM, h. 13.

Rujukan seterusnya

Israr, *The Theory...*, h. 15.

4.3.2 Rujukan karya yang diikuti oleh rujukan karya yang sama

Apabila rujukan diambil daripada karya yang sama secara berturutan, dalam nota kaki seterusnya, gunakan "Ibid" tanpa disendeng untuk rujukan yang kedua. Jika nombor halaman yang dirujuk adalah sama dengan halaman pada rujukan sebelumnya, maka nombor halaman tidak perlu ditulis.

Contoh:

Rujukan pertama

Ahmad F. Yousif (2004), *Islam and Science: A Southeast Asian Perspective*, Kuala Lumpur: The Research Centre, IIUM, h. 47.

Rujukan kali kedua

Ibid.

Jika halaman yang dirujuk berbeza daripada nombor halaman pada kali kedua, "Ibid." hendaklah diikuti dengan nombor halaman.

Contoh:

Rujukan pertama

Syed Arabi Iddid (2005), *Institute of Public Relations Malaysia: A Historical perspective* Kuala Lumpur: The Research Centre, IIUM, h. 12.

Rujukan berikutnya

Ibid., h. 42.

4.4 RUJUKAN AL-QURAN

Rujukan al-Quran hendaklah diletakkan nama surah dan nombor ayat.

Contoh:

Al-Baqarah: 185

Penggunaan “ibid” tidak dibenarkan dalam penulisan rujukan al-Quran.

4.5 RUJUKAN HADIS

Rujukan atau takhrij bagi teks hadis hendaklah ditulis sepenuhnya dalam nota kaki, bukan di bawah petikan teks tersebut. Contoh takhrij yang paling ringkas ialah dengan menulis nama pengarang, tahun, nama buku (disendengkan), kitab, no hadis, jilid, tempat terbit: penerbit dan halaman.

Contoh:

Muhammad Ibn Isma'il Abu 'Abdullah al-Bukhari (1994), *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Iman, no. 738, Jil. 1, Kaherah: Dar al-Fikr, h. 45.

BAB 5: BIBLIOGRAFI

5.0 PENGENALAN

Bibliografi adalah senarai bahan yang telah dirujuk atau digunakan dalam penulisan. Senarai ini mestilah disusun mengikut kategori yang telah ditetapkan. Rujukan adalah terdiri daripada buku, jurnal, manuskrip, majalah, makalah, kertas kerja seminar/prosiding, akhbar, laman sesawang dan lain-lain. Terdapat empat elemen penting yang perlu ada dalam bibliografi:

- a. Nama penulis
- b. Tahun/tarikh penerbitan
- c. Tajuk
- d. Maklumat penerbitan (nama penerbit dan tempat penerbitan)

Perkara-perkara berikut juga perlu dipatuhi dalam penaipan bibliografi:

- Susunan abjad: Senarai bibliografi hendaklah mengikut susunan abjad.
- *Indent*: Baris kedua dan seterusnya bagi setiap sumber hendaklah *diindentkan* sebanyak lima aksara.
- Kategori: Dalam disertasi/tesis, entri bibliografi diasingkan mengikut kategori sumber seperti:
 - i. Buku bahasa Melayu, bahasa Arab dan bahasa Inggeris
 - ii. Jurnal
 - iii. Manuskrip
 - iv. Majalah
 - v. Makalah

- vi. Akhbar
- vii. Laman sesawang dan lain-lain

- Nombor atau simbol tidak boleh digunakan untuk sebarang entri.
- Langkau baris: Hendaklah dilangkau dua baris bagi setiap entri.

Penerangan lanjut dan contoh bibliografi mengikut sumber rujukan seperti di bawah:

5.1 SEORANG PENULIS DALAM BIBLIOGRAFI

Mulakan dengan nama penulis seperti yang dikehendaki dalam entri bibliografi. Ini diikuti dengan elemen seterusnya. Contoh:

Field, Andy (2000). *Discovering Statistics using SPSS for Windows*. London: Sage Publication.

Muhamad Rahimi Osman (2010). *Islamic Legal Framework*. Shah Alam: UPENA

5.2 RAMAI PENULIS DALAM BIBLIOGRAFI

Hendaklah ditaip semua penulis dalam entri bibliografi dan nama terakhir hendaklah didahulukan dengan simbol “&”, bukannya perkataan “dan”. Contoh:

Hasan Baharom & Ezani Yaakub (2006). *Pengurusan Zakat Semasa*. Shah Alam: UPENA

Huzaimah Ismail, S. Salahudin Suyurno & Aini Faezah Ramlan (2007). *Islam dan Komunikasi*. Shah Alam : UPENA.

Hair, Joseph F., Anderson, Rolph E., Tatham, Ronald L. & Black, William C. (1995). *Multivariate Data Analysis*. U.S: Prentice Hall.

5.3 TERBITAN SYARIKAT DAN KERAJAAN DALAM BIBLIOGRAFI

Hendaklah ditaipkan nama penuh syarikat atau institusi sekiranya penulis adalah sebuah syarikat atau institusi. Contoh:

International Islamic University Malaysia (1992). *Islamization of Knowledge*. Kuala Lumpur: IIUM Press.

Sekiranya penulis dan penerbit adalah sama, perkataan Penulis/Author hendaklah menggantikan tempat penerbit.

Bank Islam Malaysia Berhad (1994). *Islamic Banking Practice: From the Practitioners' Perspective*. Kuala Lumpur: Author.

5.4 BUKU EDISI BAHARU

Bagi entri bibliografi buku edisi tertentu, maklumat edisi tersebut hendaklah ditaipkan dalam kurungan, contoh "edisi ke 2" atau "5th edn.". Tidak boleh meletak sebarang noktah antara tajuk dan edisi.

Contoh:

Sekaran, U. (2003). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach* (4th edn.). USA: John Wiley & Sons.

5.5 KOLEKSI DALAM ANTOLOGI

Antologi adalah kompilasi penulisan kreatif yang biasanya merangkumi cerpen dan sajak. Contoh entri untuk rujukan dari antologi adalah seperti berikut:

Goh, S. T. (1995). To Colleen. In E. Thumboo (ed.) *Journeys: Words, Home and Nation: Anthology of Singapore Poetry (1984-1995)*. Singapore: UniPress.

5.6 ARTIKEL DIULANGCETAK ATAU DITERBIT SEMULA

Sesuatu artikel atau bab yang telah dicetak semula dari sumber lain perlu dimasukkan dalam bibliografi mengikut format berikut:

Clark, G., & Zimmerman, E. (1988). Professional roles and activities as models for art education. In S. Dobbs (ed.), *Research readings for discipline-based art education*. Virginia: Colin Publishers. (Reprinted from *Studies in Art Education*, 1986).

Selepas entri bibliografi dilengkapkan, hendaklah dinyatakan sumber asal bab atau artikel tersebut dengan menaipkannya dalam kurungan dengan frasa "Diulang cetak dari..." dan akhiri entri dengan tahun sumber asal.

5.7 HASIL PENULISAN YANG DITERJEMAH

Entri bibliografi sesuatu hasil penulisan yang diterjemah hendaklah mengikut garispanduan berikut:

Mulakan entri dengan penulis asal, diikuti dengan tahun penterjemahan dilakukan dan tajuk buku. Nama penterjemah hendaklah ditaip selepas tajuk buku dan diikuti dengan singkatan “terj.” dalam kurungan selepas tanda koma. Contoh entri;

Atiyah, Muhamad Kamal (1992). *Perakaunan Syarikat dan Bank Menurut Sistem Islam*. Mohd Ghazali Abdul Wahid, (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

5.8 ENTRI BAHASA ASING

Bagi rujukan bahasa asing, terjemahan kepada tajuk hendaklah ditulis dalam kurungan bersegi [square brackets] selepas tajuk asal. Contoh:

Piaget, J., & Inhelder, B. (1951). *La Genese de l'idea de Hazard chez l'enfant* [The Origins of the Idea of Chance in the Child]. Paris: Presses Universitaires de France.

5.9 TERJEMAHAN DARI TERBITAN BERSIRI YANG DISUNTING

Untuk hasil penulisan seperti ini, entri bibliografi hendaklah mengikut format berikut:

Freud, S. (1961). The Ego and Id. In J. Strachey (ed. and trans.), *The Standard Edition of the Complete Psychological Works of Sigmund Freud* (Vol. 19). London: Hogarth Press. (Original work published 1923). 52.

